

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 24 OGOS 2017 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Kolej Yayasan Saad juara Cabaran Sains Kebangsaan 2017	Kosmo
2.	Kolaborasi awam, swasta tingkat produktiviti syarikat	Berita Harian
3.	Gunakan internet secara bijak	Utusan Malaysia
4.	Golden girl Farah Ann unfazed by hack on her Instagram account	The Star
5.	Farah Ann's Instagram account hacked days before SEA Games gymnastics event	The Star
6.	Hujan lebat di Sabah kesan taufan Hato	Berita Harian Online
7.	Pelajar alami fenomena hujan meteor Perseid	Berita Harian
8.	MTDC peruntuk dana RM264 juta perluas perniagaan berteras teknologi	Berita Harian
9.	Membantu IKS menghadapi cabaran pembiayaan	BERNAMA

KERATAN AKHBAR
KOSMO (KOMUNITI) : MUKA SURAT 50
TARIKH: 24 OGOS 2017 (KHAMIS)

Kolej Yayasan Saad juara Cabaran Sains Kebangsaan 2017

ILMU. Pasukan dari Kolej Yayasan Saad, Melaka muncul juara Cabaran Sains Kebangsaan 2017 yang berlangsung di Pusat Sains Negara, Bukit Damansara, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Tiga lagi pasukan yang bertanding di pentas akhir itu ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Subang Utama, Selangor; Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Perempuan Cina Pulau Pinang dan Kolej Tunku Kurshiah, Negeri Sembilan).

Pertandingan anjuran Kementerian Sains, Teknologi




**Komuniti
Kita**

Gambar dan berita yang disiarkan dalam *Komuniti Kita* kini boleh diakses di laman web www.kosmo.com.my.

dan Inovasi (MOSTI) itu turut disokong oleh syarikat petroleum, ExxonMobil Malaysia.

Hadiah-hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau.



WILFRED (berdiri tengah) bergambar bersama pelajar Kolej Yayasan Saad yang dinobatkan sebagai juara Cabaran Sains Kebangsaan 2017 di Pusat Sains Negara, Bukit Damansara, Kuala Lumpur baru-baru ini.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (PRODUKTIVITI) : MUKA SURAT 9
TARIKH : 24 OGOS 2017 (KHAMIS)



Mustapa meninjau pameran inovasi dan peningkatan produktiviti di Kuala Lumpur.

Kolaborasi awam, swasta tingkat produktiviti syarikat

● NOPC, MPC diberi peranan majukan sektor PKS

Oleh Haryani Ngah
aryani@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kemajuan inovasi dan pengukuhan produktiviti dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) adalah antara teras yang tekankan dalam Blueprint Produktiviti Malaysia.

Bagi memastikan matlamat tercapai, peranan itu dimainkan oleh Majlis Pemantauan Produktiviti Kebangsaan (NOPC) yang ditubuhkan di bawah Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan pada April 2015.

NOPC dipengerusikan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, manakala Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) adalah sekretariat yang memantau prestasi produktiviti sesebuah syarikat sebelum dan selepas program intervensi menerusi kerjasama strategik.

Kolaborasi strategik membabitkan Kementerian Pendidikan Tinggi menerusi Jaringan Penyelidikan Awam Swasta (PPRN), program SIRIM - Fraunhofer, Agensi Inovasi

Malaysia (AIM), Yayasan Steinbeis Malaysia dan SME Corp - PlatCOM Ventures.

Jalinan kerjasama ini membabitkan agensi pelaksana seperti Kementerian Pendidikan Tinggi (MOHE), Kementerian Sains dan Teknologi (MOSTI), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta Jabatan Perdana Menteri.

Menerusi jalinan ini sebanyak 656 projek dilaksanakan di bawah PPRN, yang mana 450 daripadanya berjaya dilaksanakan, manakala 446 audit teknologi berjaya dijalankan dan 310 intervensi dilaksanakan di bawah program SIRIM-Fraunhofer.

Pada masa sama, 139 projek berjaya dilaksanakan di bawah program Yayasan Steinbeis Malaysia, 144 harta intelek dipindahkan dan 22 inovasi dikomersialkan di bawah PlatCOM Ventures.

Mustapa berkata, peningkatan produktiviti adalah kunci kepada penanda aras ekonomi terhadap inovasi.

Produktiviti buruh

Seperiti dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKE-11) dan Blueprint Produktiviti Malaysia, produktiviti buruh dijangka meningkat daripada RM77,000 pada 2015 kepada RM92,300 pada 2020, iaitu pertumbuhan sebanyak 3.7 peratus setahun.

"Ia dapat dilaksanakan menerusi

sumbangan pelbagai faktor produktiviti yang disasarkan sebanyak 40 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Sehubungan itu, kolaborasi, kerjasama dan komunikasi antara kerajaan dan swasta sangat perlu bagi meningkatkan pelaksanaan produktiviti, penguatkuasaan dan hasil," katanya pada pelancaran Pameran Inovasi dan Peningkatan Produktiviti, baru-baru ini.

Menerusi NOPC, matlamat untuk melihat peningkatan produktiviti dilihat mampu dilaksanakan menerusi empat strategi.

Inisiatif PPRN yang dilaksanakan di bawah MOHE bertujuan merapatkan jurang pengetahuan teknologi, meningkatkan produktiviti dan mengukuhkan pembangunan ekonomi negara menerusi inovasi dan program pengkomersialan.

Skop projeknya membabitkan inovasi produk, proses inovasi dan meningkatkan skala pengeluaran.

Program SIRIM-Fraunhofer melaksanakan audit teknologi yang menjadi kunci kepada peningkatan produktiviti dalam kalangan PKS menerusi peningkatan teknologi.

Teknologi berasaskan rangka kerja Fraunhofer ini sangat sesuai dengan PKS di Malaysia.

Yayasan Steinbeis Malaysia adalah program yang menggabungkan pakar dan ahli akademik ke dalam industri.

Ia membabitkan perundingan, penyelidikan dan pembangunan untuk



Sebahagian pengunjung melihat demonstrasi pameran usahawan pada majlis perasmian pameran inovasi untuk meningkatkan produktiviti.



Sebahagian peserta pada majlis perasmian pameran inovasi untuk meningkatkan produktiviti.

syarikat persendirian terutama PKS.

Yayasan ini menyediakan platform kerjasama penyelesaian perniagaan dan fokus kepada pembangunan dan penghasilan produk.

Kerjasama pintar

PlatCOM Ventures Sdn Bhd membabitkan kerjasama pintar antara Agensi Inovasi Malaysia (AIM) dan SME Corp dalam menyediakan kemudahan perkhidmatan daripada konsep pengkomersialan inovasi termasuk peluang mendapatkan dana, infrastruktur, ujian, pemasaran, sijil, pemasaran, kepakaran dan nasihat pengkomersialan.

Antara PKS yang menyertai program kolaborasi ini termasuklah Victorious Steps Sdn Bhd yang melaksanakan projek intervensi Poka Yoke untuk Alat Ganti Automotif.

Projek ini memfokuskan kepada sistem pemeriksaan visual secara berkomputer yang membolehkan pemeriksaan ke atas pelbagai produk dapat dilakukan.

Projek ini berjaya mengurangkan kadar penolakan daripada tujuh peratus kepada kosong peratus.

Syarikat Primelux Energy Sdn Bhd menjalankan projek intervensi Sistem Pencahayaan Penggera (LATte) yang memfokuskan kepada pembangunan LATte, pembangunan sistem aplikasi (mudah alih dan web) serta sistem integrasi, ujian lapangan dan ujian pematuan.

Hasil inisiatif ini mendapati pe-

mantauan jarak jauh memberi pulangan lebih baik berbanding pemantauan secara manual yang dibuat sebelum intervensi ini, dapat mengurangkan kos buruh, meningkatkan keselamatan dan mengurangkan kemalangan.

MIFF Holding Sdn Bhd menjalankan projek intervensi ke atas pengkomersialan produk penjagaan diri berasaskan lumpur untuk penggunaan holistik.

Menerusi program kerjasama ini, syarikat ini diberi kemudahan komprehensif dan dana membangunkan produk serta dibawa ke pasaran.

Hasilnya, syarikat ini berjaya mengkomersialkan produknya ke peringkat global seperti ke Jepun, Indonesia, Emiriah Arab Bersatu, Singapura dan terkini Filipina.

Ummah Synergy Venture pula adalah perunding daripada Yayasan Steinbeis Malaysia yang menyediakan kepakaran untuk program pematuhan peranti perubahan yang membolehkan syarikat memperoleh sijil antarabangsa untuk produk peralatan perubahan di bawah PKS Malaysia.

Tiga syarikat yang berjaya melaksanakan projek menerusi perundingan ini adalah Titan Age Medical Industries, Farzim Medicare dan Acces Plastic Sdn Bhd.

Menerusi projek ini, syarikat berjaya meningkatkan produktiviti antara 10 hingga 20 peratus dan peningkatan lima hingga 10 peratus jualan.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3
TARIKH: 24 OGOS 2017 (KHAMIS)

Gunakan internet secara bijak

KUALA LUMPUR 23 Ogos - Pengguna laman sosial dinasihatkan tidak menjadikan internet sebagai tempat untuk melaga-lagakan sehingga mencetuskan kekecohan sesama sendiri seperti mana kes laman web digodam oleh penyerang Indonesia, kelmarin.

Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Datuk Dr. Amirudin Abdul Wahab sebaliknya berkata, pengguna laman sosial perlu berhemah mendapatkan maklumat menerusi saluran yang betul dan dipercayai.

Kata beliau, pelbagai program dilaksanakan oleh CyberSecurity dengan tujuan memberi kesedaran kepada pengguna dalam isu penyalahgunaan terutama mengenai memancing data atau *phishing*, perisian hasad, kecurian kata laluan atau identiti, buli siber atau kesalahan jenayah internet.

"Kita tidak mahu isu godam

digembar-gemburkan memandangkan kes tersebut sentiasa berlaku, bukan hanya kerana berlangsung temasya Sukan SEA 2017 itu tetapi ada individu yang cuba jadikan perkara ini sebagai isu.

"Saya rasa lebih baik kita tekankan bagaimana mahu didik masyarakat menggunakan internet secara berhemah dan tidak menggunakan secara 'tidak sihat' dengan menjadikan kemudahan berkenaan sebagai tempat untuk melaga-lagakan sehingga berlaku kekecohan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Ahad lalu, penggodam tidak dikenali bertindak menggodam berpuluh-puluh laman web di negara ini sebagai tindakan ban-



**AMIRUDIN
ABDUL WAHAB**

tahan terhadap ke-silapan mencetak bendera merah putih Indonesia secara terbalik dalam buku khas cenderamata KL2017 di majlis perasmian Sukan SEA 2017.

Portal berita Indonesia, *Suara.com* melaporkan penggodam daripada kumpulan *hacker rulez* menggodam laman yang ke-

banyakannya milik persendirian dan blog perniagaan di negara ini antaranya *kualalumpurmalaysia.com* yang dimiliki penulis motivasi dan jutawan, Azizi Ali.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata, sehingga kini pihaknya masih meneruskan siasatan dan memantau perkembangan terkini dengan kerjasama beberapa agensi lain bagi mengatasi serangan tersebut.

Winning smile:
Farah Ann posing
with the gold medal
she won in the floor
exercise.



Golden girl Farah Ann unfazed by hack on her Instagram account

BY FARIK ZOLKEPLI and MEI MEI CHU
newsdesk@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Gymnast Farah Ann Abdul Hadi may have come under attack over social media but it has not stopped her from delivering a fantastic performance and clinching a gold medal in the artistic gymnastics floor event.

Days before the SEA Games 2017 competition, her Instagram account was hacked, with her personal photos wiped out.

Personal photos in the 23-year-old's Instagram account which has over 112,000 followers started disappearing on Monday.

Her account under the name "Farah Ann" as well as its profile with details of her other social media accounts have been replaced with Arabic writing.

The account name has been renamed to "i BOY" while the profile states that the account is for sale.

There are only three photos in the account, one of which is a selfie of an unknown man.

Farah Ann confirmed on Twitter that her account has been hacked.

"My Instagram is being hacked. I have no

access to it and the hacker is deleting my photos," she tweeted on Tuesday.

However, the mysterious hacking did not faze her as she delivered a flawless performance for the gold medal on the final day of the 2017 Kuala Lumpur SEA Games artistic gymnastics competition on Wednesday.

Farah Ann's Instagram account hacking follows **CyberSecurity Malaysia's** report that 33 Malaysian websites were defaced by a hacker group, believed to be over the SEA Games souvenir booklet blunder that erroneously carried an upside-down Indonesian flag.

Meanwhile, Selangor CID chief Senior Asst Comm Fadzil Ahmat said several suspects are still being sought by the police for beating up two Myanmar supporters outside the Shah Alam stadium following the SEA Games football match between Malaysia and Myanmar on Monday night.

"We are exploring all leads to apprehend them as soon as possible," he said.

It was reported that two Myanmar supporters were beaten up by a group of men at the Bazarena parking lot outside the stadium, sometime close to midnight.



Farah Ann's Instagram account hacked days before SEA Games gymnastics event



"Farah Ann posing with her gold medal at the KL SEA Games.

KUALA LUMPUR: Gymnast Farah Ann Abdul Hadi's Instagram account was hacked days before the SEA Games competition where she successfully defended her gold medal in the artistic gymnastics floor exercise event.

Personal photos of the 23-year-old's Instagram account with over 112,000 followers started disappearing on Monday.

Her account under the name "Farah Ann" as well its profile with details of her other social media accounts have been replaced with Arabic writing.

The account name has been renamed to "i BOY" while the profile states that the account is for sale.

There are only three photos in the account, one of which is a selfie of an unknown man.

Farah Ann confirmed on Twitter that her account had been hacked.

"My Instagram is being hacked. I have no access to it and the hacker is deleting my photos," she tweeted on Tuesday.

However, the mysterious hacking did not faze her as she delivered a flawless performance for the gold medal on the final day of the 2017 Kuala Lumpur SEA Games artistic gymnastics competition on Wednesday.

Farah Ann's Instagram account hacking follows **CyberSecurity Malaysia's** report that 33 Malaysian websites were defaced by a hacker group, believed to be in retaliation for the SEA Games souvenir booklet blunder that erroneously carried an upside down Indonesian flag.



Hujan lebat di Sabah kesan taufan Hato

KOTA KINABALU: Ribut petir dan hujan lebat dijangka berlaku di Sabah pada sebelah pagi dan malam, susulan taufan Hato yang kini sudah memasuki selatan Hong Kong.

Pengarah Jabatan Meteorologi Sabah, Azemi Daud, berkata bagaimanapun Sabah hanya menerima tempias taufan itu tetapi bukan secara terus.

"Taufan itu kini sudah memasuki selatan Hong Kong dan kekuatannya semakin lemah sekali gus membolehkan komponen angin timuran aras rendah memasuki Sabah dan akan bertembung dengan angin baratan yang sedia ada pada minggu ini.


"Hasil daripada pertembungan angin baratan dan timuran itu, menyebabkan keadaan cuaca semakin lembap. Sehubungan itu, hujan dan ribut petir dijangka boleh berlaku terutama di Sabah pada sebelah pagi.

"Pada sebelah petang atau awal malam pula, ribut petir dan hujan dijangka berlaku hampir semua bahagian di Sabah yang dijangka hingga 29 Ogos ini," katanya.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (VARSITI) : MUKA SURAT V10
TARIKH : 24 OGOS 2017 (KHAMIS)



Pelajar tekun mendengar penerangan mengenai ilmu astronomi Islam.



Ahli Kelab Astronomi Syarie UiTM tidak melepaskan peluang mendalami fenomena hujan meteor Perseid.

Pelajar dalami fenomena hujan meteor Perseid

info

Meteor Perseid

→ Fenomena pancuran meteor Perseid yang berlaku setiap tahun, iaitu pada Ogos, dinantikan rakyat Malaysia kerana dikatakan antara pancuran meteor paling menarik dan jelas dilihat dengan mata kasar.

→ **Agensi Angkasa Negara (ANGKASA)** melaporkan fenomena pancuran meteor Perseid berlaku apabila bumi melintasi laluan komet dan menyebabkan debu komet terbakar apabila memasuki atmosfera bumi yang dikatakan dapat dilihat dengan mata kasar sebagai hujan tahi bintang.



Mohd Hilmi Jamaluddin

Oleh Suzaini Sulaiman
 bhvarsiti@bh.com.my

► Sungai Besar

Fenomena hujan meteor Perseid yang mencapai kemuncaknya awal pagi 13 Ogos lalu, tidak disia-siakan lebih 40 pelajar dari Kelab Astronomi Syarie, Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Pelajar UiTM Kampus Dengkil mengambil peluang fenomena hujan meteor itu untuk mendalami cabang ilmu berkenaan di Balai Cerap Selangor, Sungai Lang di sini, biarpun keadaan cuaca dan langit berawan tidak menyebelahi mereka.

Pelajar Asasi Sains, Ahmad Izzat Arief Amron, 18, mengaku sangat teruja berpeluang melihat sendiri teleskop besar yang digunakan, selain mempelajari kiraan waktu solat tanpa menggunakan jam dan menentukan arah kiblat.

"Saya menyertai kelab ini secara sukarela dan memperoleh banyak ilmu falak bersama rakan lain di Balai Cerap Selangor.

"Alhamdulillah, saya berharap dapat meningkatkan penguasaan ilmu, terutama

astronomi Islam, supaya dapat dikongsi bersama rakan lain," katanya.

Pelajar Asasi Undang-Undang, Nor Khatina Mohd Subari, 18, turut puas hati berpeluang menimba ilmu sangat berguna, terutama mengetahui cara mencerap anak bulan dan mengenal pasti masuk waktu solat.

Minat semakin kuat

"Saya berharap dapat mempelajari lebih mendalam lagi, malah minat mengkaji bidang astronomi ini semakin kuat.


"Kami berada di sini dari jam 2.30 petang hingga tengah malam," katanya kepada *BH Varsiti*.

Semua pelajar terbabit meneruskan aktiviti hingga pagi bagi mendengar taklimat mengenai cerapan waktu subuh dan matahari.

Sementara itu Ketua Pusat Pengajian Akademik Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Kampus Dengkil, Mohd Takiyuddin Ibrahim, berkata kelab berkenaan baru ditubuhkan tetapi mendapat sambutan amat menggalakkan daripada pelajar.

"Tujuan utama penubuhan kelab ini ialah memberi kesedaran kepada pelajar supaya

Teleskop yang digunakan di Balai Cerap Selangor.



Pelajar bersemangat mengikuti aktiviti untuk mendalami ilmu falak.

tahu mengenai astronomi Islam ataupun ilmu falak yang mungkin kurang jelas dalam kalangan mereka.

Syukur ciptaan Allah

Selain datang ke Balai Cerap Selangor, kami akan bekerjasama dengan Jabatan Mufti Selangor untuk memohon kebenaran membuat lawatan ke beberapa lokasi balai cerap

lain bagi meningkatkan pengetahuan peserta kelab ini," katanya.

Pelajar terbabit juga berpeluang mendengar penerangan daripada Pembantu Hal Ehwal Islam Bahagian Falak, Jabatan Mufti Selangor, Mohd Hilmi Jamaluddin.

Mohd Hilmi berkata, pelbagai ilmu astronomi Islam dapat dipelajari

pengunjung, termasuk cara menentukan waktu solat, mencerap anak bulan, kalendar Islam hinggalah berpeluang melihat meteor yang melintasi langit.

"Inilah keindahan alam ciptaan Allah SWT yang harus disyukuri dan pengalaman bermakna ini patut dikongsi dengan generasi muda seperti pelajar," katanya.

MTDC peruntuk dana RM264 juta perluas perniagaan berteras teknologi

Fakta
nombor

80 SYARIKAT

bakal terima
agihan peruntukan

Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) kini menerajui pengembangan perniagaan berteraskan teknologi di negara ini dengan memperuntukkan dana RM264 juta dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMKe-11) kepada 80 syarikat tempatan.

Ketua Eksekutif MTDC, Datuk Norhalim Yunus, berkata MTDC menumpukan dua industri utama iaitu automasi dan robotik sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi seiring perkembangan pembangunan teknologi di Malaysia.

"Dalam konteks pembangunan teknologi, MTDC beri lebih daripada dana. Ia turut membabitkan

teknologi yang dibangunkan oleh universiti dan institusi penyelidikan tempatan, melibatkan pembangunan usahawan.

"Malah, pihak kami sentiasa membantu usahawan muda membangunkan syarikat teknologi bagi berdiri teguh dan berjaya setanding syarikat besar yang ada pada masa kini," katanya pada temu bual eksklusif bersama BERNAMA.

Norhalim berkata, MTDC memperuntukkan RM170 juta tahun ini untuk enam dana iaitu Dana Perolehan Teknologi, Dana Pengkomersialan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), Dana Pembangunan Teknologi Halal, Dana

Permulaan Perniagaan, Dana Pengembangan Perniagaan dan Dana Pengembangan Perniagaan.

"Enam dana itu bertujuan meningkatkan kandungan teknologi, keupayaan, kemampuan dan daya saing sesebuah syarikat yang menerima dana terbabit," kata Norhalim.

Penubuhan TENTRA

Sebagai usaha berterusan, beliau berkata, sebuah Akademi Latihan Teknopreneur (TENTRA) ditubuhkan tahun ini bagi pengkomersialan teknologi.

Norhalim berkata, akademi latihan itu bertujuan mengurangkan kadar kegagalan perniagaan dalam

kalangan usahawan, terutamanya usahawan tekno.

"Di bawah TENTRA, kami akan mempertingkatkan lagi penawaran melalui perkhidmatan berpadanan teknologi, termasuk skim penempatan untuk pensyarah dan penyelidikan yang ingin mendapatkan pandangan industri mengenai pemindahan pengetahuan dan pengkomersialan," katanya.

Sementara itu, MTDC menyasarkan lima syarikat teknologi disenaraikan dalam Platform Pemecut Usahawan Utama (LEAP) pada hujung tahun ini, seiring kemajuan pembangunan teknologi negara.

BERNAMA

RM170 JUTA

peruntukan MTDC tahun ini untuk enam dana

5 SYARIKAT

disenarai dalam Platform Pemecut Usahawan Utama



Membantu IKS Menghadapi Cabaran Pembiayaan

KUALA LUMPUR (Bernama) -- Mendapatkan pembiayaan untuk perniagaan boleh menjadi sangat mencabar bagi industri kecil dan sederhana (IKS).

Kekangan kewangan pula seringkali menjadi penghalang kepada sebarang rancangan untuk mengembangkan perniagaan selain menambah kesukaran aliran tunai mereka.

Namun, masih ada peluang untuk IKS yang menghadapi masalah kewangan kerana terdapat perunding pinjaman perniagaan yang dapat membantu mereka dalam hal berkenaan.

Satu daripada syarikat yang menyediakan perkhidmatan perundingan pinjaman perniagaan kepada IKS adalah SAHABAT SMI Consulting Sdn Bhd (SAHABAT SMI), yang memulakan operasi pada Ogos 2004.

Syarikat itu menyediakan pelbagai perkhidmatan perundingan profesional bersepadu kepada IKS dan dilengkapi dengan kemahiran komprehensif serta pengetahuan untuk membimbing pelanggan-pelanggannya mengenai pelbagai pilihan pembiayaan perniagaan, terutamanya di bawah skim-skim kerajaan dan Islam.

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif SAHABAT SMI, Datuk Lee Chee Weng memutuskan untuk memulakan usaha sendiri setelah kecewa dengan penyedia perkhidmatan pinjaman perniagaan sedia ada.

Beliau mempertaruh masa hadapannya dengan melepaskan pekerjaan yang selesa di Credit Guarantee Corporation (CGC) untuk menerokai bidang yang penuh dengan ketidakpastian.

Tujuan utama beliau adalah untuk memperkenalkan perkhidmatan perundingan pinjaman perniagaan baharu bagi memenuhi keperluan pembiayaan IKS.

Lee mereka bentuk semula perkhidmatan perundingan pinjaman perniagaan untuk menjadikannya lebih ringkas dan memudahkan IKS mendapatkan pembiayaan.

KEPUTUSAN RASIONAL

Dalam usaha mewujudkan penyelesaian pembiayaan perniagaan yang memenuhi keperluan usahawan, Lee menemu bual pelanggannya untuk mengetahui pelbagai masalah yang dihadapi dalam mendapatkan pinjaman perniagaan, serta kemampuan dan kesanggupan mereka untuk membayar balik.

Beliau kemudiannya menggunakan maklumat yang dikumpulkan itu untuk merancang bentuk penyelesaian yang boleh memenuhi keperluan pelanggan dengan lebih baik daripada yang pernah mereka bayangkan.

Pada masa ini, SAHABAT SMI membantu IKS dalam pelbagai perkara berhubung pembiayaan perniagaan; bagaimanapun, hakikatnya pembiayaan bukanlah satu-satunya faktor yang membawa kepada kejayaan sesebuah entiti perniagaan.

Sehubungan itu, dalam usaha memaksimumkan pertumbuhan dan kejayaan IKS, syarikat itu juga menawarkan perkhidmatan profesional dengan kerjasama pakar-pakar berkaitan dalam bidang-bidang termasuk sistem pengurusan pensijilan dan kualiti (iaitu ISO 9001, ISO 14001, ISO 22000, HACCP, Amalan Pengilangan Baik), pendaftaran francais, pendaftaran cap dagang dan penjenamaan.

SAHABAT SMI juga membantu IKS untuk memohon geran kerajaan dan pinjaman mudah.

Merujuk kepada IKS dalam mencari pembiayaan, Lee berkata setiap keputusan yang dibuat dalam menjalankan perniagaan perlu dilakukan secara rasional.

"Anda perlu berhadapan dengan apa jua akibat daripada keputusan itu. Apabila membabitkan pembiayaan perniagaan, perlu ada strategi sebelum membuat sebarang keputusan. Jangan terburu-buru memohon sebarang pinjaman tanpa mengambil kira semua aspek, atau anda mungkin akan muflis kelak", katanya.

PERMOHONAN PINJAMAN DITOLAK

Lee, yang telah menyelesaikan masalah pembiayaan lebih 10,000 syarikat, juga menegaskan bahawa dalam dunia hari ini, mempunyai produk hebat atau perkhidmatan sahaja tidak mencukupi untuk berjaya.

"Untuk memaksimumkan pertumbuhan dan kejayaan IKS, pihak pengurusan perlu terlebih dahulu mewujudkan prosedur operasi standard (SOP) yang boleh mereplika dan mencipta serta meningkatkan nilai," katanya.

Menjelaskan kenapa permohonan pinjaman IKS ditolak, Lee berkata ia mungkin hasil daripada kekurangan potensi sama ada di pihak IKS atau institusi pemberi pinjaman.

"Namun, perniagaan tidak semestinya satu-satunya punca sesuatu permohonan pinjaman tidak berjaya," katanya.

Antara masalah lazim adalah kekurangan ketelusan dalam kriteria penilaian kredit.

"Selalunya, mereka (institusi kewangan) akan memberitahu pemohon bahawa punca permohonan (pinjaman) mereka ditolak adalah disebabkan oleh 'sistem'.

"Umum mengetahui bahawa 'sistem' diawasi oleh manusia, mereka (peminjam) mungkin berurusan dengan pegawai kredit yang birokratik, kurang berkelayakan atau tidak cukup pengalaman dalam pengurusan perniagaan," jelas beliau.

PILIHAN PEMBIAYAAN INOVATIF

Walaupun kadangkala mudah bagi IKS untuk mendapatkan pembiayaan, namun kesulitan sebenar adalah untuk mendapatkan "pakej pembiayaan yang betul dan bermanfaat".

"Perniagaan itu boleh menjadi lebih teruk jika pakej pembiayaan yang diluluskan tidak betul atau tidak memberi manfaat kepada keperluan perniagaan.

"Hakikatnya, jika syarikat dan pengarahnya tidak mempunyai sebarang publisiti atau rekod buruk dan perniagaan itu berjalan lancar dengan pelan perniagaan yang sesuai, terdapat banyak saluran pembiayaan yang tersedia (untuk syarikat itu)," kata Lee.

Antara saluran kewangan yang ada ialah pelbagai bank perdagangan dan institusi kewangan pembangunan seperti CGC, MIDF Group, SME Bank Group dan Exim Bank.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Kementerian Kewangan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi juga menawarkan pakej pembiayaan yang sesuai untuk IKS yang berkaitan.

Menurut Lee, pada masa ini, terdapat juga alternatif pembiayaan inovatif lain seperti 'crowdfunding', modal teroka dan skim pinjaman 'peer-to-peer' (P2P).

Beliau juga menggesa IKS yang permohonan pinjamannya ditolak untuk merayu jika dirasakan mereka tidak dilayan dengan adil.

"Jangan risau jika menyinggung perasaan pihak bank. Paling teruk sekalipun, pegawai berkenaan (yang menolak permohonan itu) mungkin tersinggung tetapi beliau hanya seorang daripada pekerja, dan tidak mewakili keseluruhan bank.

"Jangan lihat diri anda sebagai penerima dan bank sebagai pemberi. Ini adalah minda yang lapuk dan tidak betul," katanya.

MEMENANGI BANYAK ANUGERAH

SAHABAT SMI telah menerima banyak anugerah untuk perkhidmatan cemerlangnya. Pada April 2016, ia menerima anugerah sijil National Mark of Malaysian Brand dari SME Corporation Malaysia dan **SIRIM QAS International Sdn Bhd.**

The National Mark of Malaysian Brand adalah skim pensijilan yang dibangunkan oleh SME Corp dan SIRIM untuk mengiktiraf kualiti, kecemerlangan dan pembezaan produk serta perkhidmatan syarikat-syarikat Malaysia.

SAHABAT SMI juga adalah syarikat perundingan pinjaman pertama dan satu-satunya yang mendapat status francais yang diiktiraf oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Syarikat berkenaan juga menjadi perunding pengurusan kewangan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan sejak tahun 2011.

Ia dianugerahkan status 'Training Provider Class A oleh Human Resources Development Fund', sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Pada 2012, SAHABAT SMI mendapat pensijilan ISO 9001: 2008.

Anugerah lain yang dimenangi SAHABAT SMI termasuk SME 100 Awards 2009: Malaysia's Fast Moving Companies; Golden Bull Award 2008: The Sixth Malaysia 100 Outstanding SMEs; The Third Asia Pacific Super Excellent Brands (Service Excellent Award) 2007; Top 20 CEO oleh International Entrepreneur Council 2006; The Fourth Asia Pacific International Honesty Enterprise-Keris Award 2005; dan The Fourth Asia Pacific/Malaysia e-Entrepreneur Excellence Award 2005.

BERNAMA